

NAMA: _____

KELAS: _____





BAB 1: BIODIVERSITI

Negara kita, Malaysia, merupakan salah satu daripada 12 buah negara mega biodiversiti di dunia.

Berdasarkan maklumat di atas, tuliskan **Benar** atau **Palsu** bagi pernyataan tentang biodiversiti berikut.

(a) Biodiversiti meliputi kepelbagaian dalam spesies mengikut variasi gen organisma yang hidup di Bumi.	
(b) Biodiversiti adalah penting untuk membekalkan pelbagai sumber bahan mentah dalam perkembangan bidang industri sesebuah negara.	

2 Padankan rajah di bawah kepada kepentingan biodiversiti yang sesuai.

(a) 	• Perubatan
(b) 	• Tempat rekreasi
(c) 	• Pendidikan
(d) 	• Sumber makanan

3 Lengkapkan ayat berikut dengan perkataan yang sesuai.

Organisma (a) _____ bermaksud spesies yang hidup berkelompok di habitat yang terbatas di sesebuah lokasi tertentu.

4 Tandakan (✓) pada spesies endemik yang terdapat di Malaysia.

Periuk kera	
Harimau Malaya	
Panda	
Gajah kerdil Borneo	
Bunga pakma	

5 Senaraikan **tiga** kaedah untuk memelihara dan memulihara biodiversiti.

(a) _____

(b) _____

(c) _____









6 Lengkapkan ayat berikut dengan perkataan yang sesuai.

(a) Haiwan dapat dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu _____ dan _____.

(b) Jenis haiwan _____ ialah haiwan yang tidak bertulang belakang manakala jenis haiwan _____ ialah haiwan yang mempunyai tulang belakang.

(c) Haiwan vertebrata yang mempunyai suhu badan yang berubah-ubah mengikut suhu persekitaran dikenali sebagai _____ manakala haiwan vertebrata yang suhu badannya malar dan bebas daripada pengaruh suhu persekitaran pula dikenali sebagai _____.

7 Kelaskan haiwan invertebrata berikut mengikut ciri-ciri sepunya yang betul.

 Belalang	 Lintah	 Semut	 Cacing pita
 Planaria	 Kala jengking	 Kutu	 Landak laut

Ciri-ciri sepunya			
Tanpa kaki		Berkaki	
Badan tidak bersegmen	Badan bersegmen	Tiga pasang	Lebih daripada tiga pasang


8 Tandakan (✓) pada ciri-ciri yang betul bagi setiap tumbuhan tidak berbunga di bawah.

Ciri-ciri	Lumut	Paku pakis	Konifer
Tiada sistem vaskular			
Mempunyai akar, batang dan daun yang nyata			
Mebiak dengan menghasilkan spora			
Ada biji benih			
Tiada biji benih			

9. Hazriq menyertai suatu pertandingan bagi mengelaskan beberapa jenis tumbuhan. Bantu Hazriq untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Paku pakis	Pokok jagung	Pokok tomato	Pokok padi
------------	--------------	--------------	------------

(a) Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan peta pokok berikut.



(b) Nyatakan **satu** cara lain untuk mengelaskan tumbuhan di atas dengan sistematik.

(c) Pokok durian merupakan tumbuhan dikotiledon dan mempunyai nilai komoditi yang penting bagi perkembangan ekonomi negara.

(i) Mengapakah pokok durian dikelaskan sebagai dikotiledon?

(ii) Nyatakan ciri-ciri yang membezakan tumbuhan monokotiledon dengan dikotiledon.
